



SOALAN-SOALAN LAZIM

SKIM AGRO CONTRACT FINANCING – i

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah Skim Agro Contract Financing – i ?	Skim Agro Contract Financing-i merupakan satu skim yang menawarkan kemudahan pembiayaan jangka pendek berserta jaminan bagi memenuhi keperluan Syarikat (Kontraktor Utama atau Sub-Kontraktor yang dinamakan) yang memerlukan kemudahan perbankan bagi melaksanakan kontrak tertentu yang ditawarkan oleh Pemberi Kontrak.
2.	Apakah skop pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan ini ?	Skim Pembiayaan ini adalah bagi membiayai pembelian barang, perkhidmatan atau kontrak pembinaan di mana tempoh Pembiayaan dan mod pengeluaran adalah berdasarkan unjuran aliran tunai bagi projek/kontrak Pelanggan yang dibiayai. Pihak Bank harus memadankan pengeluaran, kontrak dan mod pembayaran untuk memastikan penyelesaian kontrak dan pembayaran yang tepat pada masanya.
3.	Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah program ini?	<ul style="list-style-type: none"> • Skim Pembiayaan ini terbuka kepada Syarikat Sendirian Berhad dan Berhad sahaja yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 dan memenuhi segala keperluan mengikut Akta berkenaan sebagai sebuah syarikat Sendirian Berhad dan Berhad. • Pelanggan adalah merupakan Kontraktor Utama atau Sub Kontraktor yang Dinamakan dan hendaklah mempunyai pendaftaran yang sah di bawah salah satu daripada yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). b. Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). c. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). d. Badan pelesenan atau pendaftaran lain yang berkaitan. • Mempunyai rekod prestasi dalam melaksanakan kerja kontrak sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan pernah menyelesaikan kontrak yang serupa atau hampir sama dengan projek yang hendak dibiayai. • Pelanggan hendaklah mempunyai tempat/ alamat perniagaan yang khusus/ perniagaan dijalankan secara sepenuh masa. • Tidak disenarai hitam oleh badan-badan pelesenan atau pendaftaran contohnya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). • Syarikat haruslah bebas dan tidak dikenakan sebarang tindakan undang-undang yang boleh membawa kepada kebankrutan dan penggulungan syarikat.
4.	Apakah kriteria kelayakan bagi Pemberi Kontrak ?	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberi Kontrak terdiri daripada salah satu yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Kerajaan Persekutuan dan/atau Kerajaan Negeri; atau b. Agensi Kerajaan; atau c. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC); atau d. Syarikat Tersenarai Awam ("Public Listed Company") yang diluluskan oleh Bank. • Syarikat Malaysia yang berdaftar dan berpusat di Malaysia • Projek dan/atau kontrak yang diterima mestilah dijalankan di Malaysia sahaja



SOALAN-SOALAN LAZIM

SKIM AGRO CONTRACT FINANCING – i

NO.	SOALAN	JAWAPAN				
5.	Apakah jenis Kontrak dan Sektor yang diterima?	<p>Kontrak Kerja : Kerja-kerja kejuruteraan awam merangkumi aspek-aspek pembinaan dan pembangunan sama ada pembuatan jalan, bangunan, sistem perparitan/ saliran, pengawal banjir dan lain-lain. Di samping itu, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal juga adalah termasuk di dalam kontrak kerja.</p> <p>Kontrak Bekalan/ Perkhidmatan : Kerja atau perkhidmatan membekal, memasang, menyelenggara dan menghantar barang-barang.</p> <p><u>Sektor-sektor kontrak yang diterima :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sektor yang berkait rapat secara langsung dengan pertanian, industri asas tani dan agro makanan serta seluruh komuniti rantaian nilai . • Sektor yang tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti pertanian, industri asas tani dan agro makanan; namun mampu memberi manfaat kepada komuniti yang digazetkan sebagai pertanian seperti : <ul style="list-style-type: none"> a. Kawasan/ zon pertanian yang telah digazetkan oleh Kerajaan, Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri (Cth : FELDA, FELCRA dan sebagainya) b. Komuniti di Kawasan tertentu yang majoriti keseluruhannya terlibat dengan aktiviti pertanian dan industri asas tani. 				
6.	Berapakah tempoh kemudahan di bawah Skim Pembiayaan ini?	Tempoh pembiayaan maksima adalah tertakluk kepada tempoh kontrak termasuk lanjutan untuk pembayaran daripada Pemberi Kontrak seperti yang dipersetujui. Ia adalah juga tertakluk kepada semakan kredit tahunan ke atas setiap akaun seperti mana yang dinyatakan dalam polisi Bank.				
7.	Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan?	Skim pembiayaan ini terdiri daripada mana-mana satu atau gabungan produk berikut:				
		<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan Berjangka: Pembiayaan Berjangka- i • Kemudahan Pusingan Kredit: Agro Cash Line- i, Pembiayaan Modal Kerja- i (WCF- i) • Pembiayaan Perdagangan: Letter of Credit- i (LC-i), Murabahah Trust Receipt (MTR), Bank Guarantee- i (BG-i) and Shipping Guarantee- i (SG-i) 				
8.	Berapakah kadar Keuntungan dan Kadar Keuntungan Siling (KKS) dikenakan kepada pelanggan?	<p>Kadar keuntungan minima bagi pembiayaan ini adalah tertakluk kepada produk yang digunakan serta haruslah menepati polisi semasa kredit bank</p> <p>Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) + 4.00% setahun atau 10%, mana-mana yang lebih tinggi untuk pengiraan harga jualan.</p>				
9.	Berapakah kadar nilai Kontrak yang diterima?	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;"><u>Nilai Minima Kontrak</u></th><th style="text-align: center;"><u>Nilai Maksimum Kontrak</u></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">RM500,000*</td><td>Tiada had jumlah maksima Pembiayaan yang ditetapkan; tertakluk kepada margin Pembiayaan yang diluluskan</td></tr> </tbody> </table>	<u>Nilai Minima Kontrak</u>	<u>Nilai Maksimum Kontrak</u>	RM500,000*	Tiada had jumlah maksima Pembiayaan yang ditetapkan; tertakluk kepada margin Pembiayaan yang diluluskan
<u>Nilai Minima Kontrak</u>	<u>Nilai Maksimum Kontrak</u>					
RM500,000*	Tiada had jumlah maksima Pembiayaan yang ditetapkan; tertakluk kepada margin Pembiayaan yang diluluskan					
	* Tertakluk pada terma dan syarat					



SOALAN-SOALAN LAZIM

SKIM AGRO CONTRACT FINANCING – i

NO.	SOALAN	JAWAPAN
10.	Apakah konsep Syariah yang digunakan?	<p>Tawarruq :</p> <p>Skim ini menggunakan konsep Tawarruq bagi kemudahan pembiayaan seperti (Pembiayaan Berjangka- i, Pembiayaan Modal Kerja- i, dan Agro Cash Line- i) yang melibatkan dua kontrak jual beli di mana pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada Harga Jualan (Harga Kos ditambah Keuntungan) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.</p> <p>“Komoditi” dalam konteks transaksi Tawarruq adalah merujuk kepada apa-apa jenis komoditi patuh Syariah yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastic resin, kredit prabayar atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank.</p> <p>Wakalah :</p> <p>Di bawah Kemudahan ini, Bank juga akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep Wakalah. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen pelanggan untuk menerima pembelian komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak pelanggan untuk melengkapkan transaksi Tawarruq.</p> <p>Murabahah :</p> <p>Murabahah pula bermaksud akad menjual barang antara pemilik (aset) barang bersama pembeli dengan keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Ia adalah kontrak jualan di mana kos dan margin keuntungan atas jualan sesuatu komoditi diketahui oleh kedua-dua penjual dan pembeli. Harga jualan boleh dibayar sekali gus atau ditangguhkan atau menerusi ansuran.</p> <p>Kafalah :</p> <p>Manakala bagi kemudahan pembiayaan Jaminan Bank – i melibatkan kontrak syariah Kafalah. Kontrak Kafalah merujuk kepada kontrak di mana penjamin memberi jaminan kepada pihak ketiga atas kewajipan yang harus ditunaikan oleh pihak yang dijamin. Ia adalah untuk memenuhi salah satu syarat kontrak yang dimeterai di antara pelanggan dan pihak ketiga.</p>
11.	Apakah cagaran yang diperlukan?	<p>Jaminan Prestasi dan Jaminan Bank (Bank Guarantee):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jaminan Pelaksanaan Kerja (Performance Guarantee) 100% daripada nilai jaminan yang diberikan; dan/atau • Minimum 50% daripada jumlah yang dijamin untuk jenis Jaminan Bank yang lain; • Pelanggan perlu menyediakan minimum 10% daripada keseluruhan jaminan/cagaran bagi Jaminan Bank yang dinyatakan di atas dan baki selebihnya hendaklah ditolak daripada hasil kontrak pertama yang disalurkan oleh Pemberi Kontrak.



SOALAN-SOALAN LAZIM

SKIM AGRO CONTRACT FINANCING – i

NO.	SOALAN	JAWAPAN
11.	Apakah cagaran yang diperlukan?	<p>Jaminan Bayaran Pendahuluan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 50% daripada jumlah yang dijamin untuk Jaminan Pembayaran Pendahuluan. • Pelanggan perlu menyediakan jaminan/cagaran penuh untuk Jaminan Bayaran Pendahuluan sebaik sahaja bayaran pendahuluan diterima daripada Pemberi Kontrak. <p>Cagaran tunai seperti FRIA-i atau Agro-PrimaS diutamakan untuk pakej ini bagi mempercepatkan proses pengeluaran pembiayaan namun cagaran/sekuriti lain adalah dibenarkan tertakluk pada terma dan syarat Bank.</p>
12.	Berapakan margin pembiayaan? * Tertakluk pada terma dan syarat	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah keseluruhan Margin Pembiayaan adalah sehingga 80%* daripada Nilai Kontrak ATAU keperluan sebenar berpaduan penyata aliran tunai, yang mana lebih rendah. • Walau bagaimanapun, margin pembiayaan bagi setiap kemudahan yang diberikan di bawah skim ini adalah tertakluk seperti berikut: <p style="margin-left: 20px;">Kemudahan Berjangka</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Maksima sehingga 90%* daripada nilai asset <p style="margin-left: 20px;">Kemudahan Pusingan Kredit</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Margin maksima kemudahan sehingga 30% nilai kontrak dan jumlah pengeluaran maksima tidak melebihi 80% dari nilai kontrak. ii. Pengeluaran maksima 80% adalah termasuk dengan margin kemudahan pembiayaan lain yang ditawarkan bersama kecuali Jaminan Bank. iii. Maksima sehingga 90% daripada nilai invois. <p style="margin-left: 20px;">Jaminan Bank</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Jaminan Pelaksanaan Kerja (Performance Guarantee) adalah sehingga 5% dari nilai kontrak. ii. Jaminan Wang Pendahuluan (Advance Payment Guarantee) adalah sehingga 25% dari nilai kontrak atau maksimum RM10 juta. iii. Jenis-jenis Jaminan Bank lain yang tidak dinyatakan di atas adalah berdasarkan Manual Bank Guarantee-i (MO-53), Seksyen 4 Polisi, Subseksyen 9: Jenis-jenis BG-i dan tertakluk kepada kelulusan Kuasa Melulus.